

PRESS RELEASE

7 August 2026

ALAM FLORA INTRODUCES NEXT-GENERATION ELECTRIC CLEANSING ASSETS

Putrajaya, 7 August 2026 – Alam Flora Sdn. Bhd. (Alam Flora), a wholly owned subsidiary of Malakoff Corporation Berhad, today unveiled a new range of electric public cleansing vehicles and equipment as part of its commitment to advancing sustainable waste management and fostering cleaner cities.

The rollout marks a significant milestone in Alam Flora's efforts to modernise public cleansing operations through environmentally friendly solutions that support Malaysia's low-carbon aspirations while enhancing operational efficiency and service delivery.

The newly introduced vehicles and equipment include electric road sweepers, road maintenance vehicles, electric litter-picking machines, electric blowers, and smart waste collection bins. These assets are designed to boost productivity, minimise environmental impact, and improve safety and comfort for frontline workers.

By the end of 2026, Alam Flora aims to operate up to 242 electric vehicles (EVs) and electric-powered equipment units across its service areas. Following the successful implementation of its proof of concept (POC) initiatives, the company will assess the most effective pathway for scaling up EV adoption across its operations.

In fact, the transition is already well underway, with certain asset categories, such as motorcycles, having achieved 100% electrification. At the same time, Alam Flora will continue to explore autonomous driving technologies, robotics and smart digital solutions to drive greater efficiency, sustainability and operational excellence.

To date, Alam Flora has invested approximately RM3 million in acquiring, deploying and developing electric vehicles, electric-powered equipment and supporting technologies. This investment supports the company's efforts to modernise operations and advance Malaysia's low-carbon and smart city aspirations.

Speaking on the initiative, Alam Flora Chief Executive Officer Shariman Yusuf Mohamed Zain said, "This initiative marks an important step in transforming the way public cleansing services are delivered through cleaner and more efficient technologies. As cities grow, public expectations for safer and more sustainable environments continue to rise. The deployment

of these electric public cleansing vehicles and equipment demonstrates our readiness to support greener urban services while maintaining high standards of operational excellence.”

The new range of electric public cleansing vehicles and equipment was officially launched by SWCorp Chairman, Mr Hee Loy Sian, underscoring the nation’s commitment to advancing sustainable and low-carbon public cleansing operations.

Enhancing Driver Competency Through AFDEC

Alongside the launch, Alam Flora also introduced the **Alam Flora Driving Excellence Centre (AFDEC)**, a state-of-the-art simulator-based training facility designed to strengthen safety standards, driver competence and operational excellence. The facility was officially launched by the Director-General of the National Solid Waste Management Department (JPSPN), Datuk Ir. Ts. Gs. Dr Mohd Azhar Abdul Hamid. AFDEC reflects Alam Flora’s commitment to strengthening driver competence, safety awareness and operational readiness as the company expands the use of electric vehicles and modern equipment across its operations.

As the company progresses on its digitalisation journey, Alam Flora remains focused on delivering high-quality public cleansing services and building healthier, more sustainable communities, remaining true to its core mission: “Enhancing Life, Enriching Communities.”

ABOUT ALAM FLORA SDN BHD:

*Incorporated in 1995, Alam Flora Sdn. Bhd. (Alam Flora) is one of Malaysia’s leading environmental management companies, dedicated to helping communities manage and reduce waste with minimal environmental impact. A subsidiary of Malakoff Corporation Berhad (Malakoff), Alam Flora plays a central role in supporting the nation’s sustainability agenda through its waste management and environmental solutions. As the largest concession holders under Malaysia’s national solid waste management and public cleansing privatisation programme, Alam Flora provides comprehensive services across its concession areas in Peninsular Malaysia, namely the **Federal Territories of Kuala Lumpur and Putrajaya, and the state of Pahang**. The company manages thousands of tonnes of waste daily, while actively promoting recycling and sustainable practices through various initiatives, including the *Fasiliti Inovasi Kitar Semula (FIKS)*. It is a key enabler of Malaysia’s environmental goals through efficient collection, disposal and community engagement initiatives that drive responsible waste management and circular economy practices.*

For more information, please contact:

Suriati Mohammad Mokhtar

Head, Group Communications & Branding, Malakoff Corp. Berhad

Mobile: +6012-226 5799

Email: suriati.mokhtar@malakoff.com.my

SIARAN MEDIA

7 Ogos 2026

ALAM FLORA PERKENAL ASET PEMBERSIHAN ELEKTRIK GENERASI BAHARU

Putrajaya, 7 Ogos 2026 – Alam Flora Sdn. Bhd. (Alam Flora), anak syarikat milik penuh Malakoff Corporation Berhad, hari ini melancarkan siri baharu kenderaan dan peralatan pembersihan elektrik sebagai sebahagian daripada komitmennya untuk memajukan pengurusan sisa mampan dan mewujudkan bandar yang lebih bersih.

Pelancaran ini menandakan satu lagi langkah penting dalam usaha Alam Flora memodenkan operasi pembersihan awam melalui penyelesaian yang lebih cekap dan mesra alam, sejajar dengan aspirasi rendah karbon negara.

Kenderaan dan peralatan yang diperkenalkan termasuk jentera penyapu jalan elektrik, kenderaan penyelenggaraan jalan, mesin pemungut sampah elektrik, peniup elektrik serta tong sampah pintar. Aset-aset ini direka untuk meningkatkan produktiviti, meminimumkan impak terhadap alam sekitar, serta meningkatkan keselamatan dan keselesaan petugas barisan hadapan.

Menjelang penghujung tahun 2026, Alam Flora menyasarkan pengoperasian sehingga 242 unit kenderaan elektrik dan peralatan berkuasa elektrik di seluruh kawasan perkhidmatannya. Susulan kejayaan pelaksanaan inisiatif Proof of Concept (POC), syarikat akan terus menilai pendekatan yang paling berkesan untuk memperluaskan penggunaan kenderaan elektrik dalam operasinya.

Malah, peralihan ke arah elektrifikasi telah menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan apabila beberapa kategori aset, seperti motosikal, telah mencapai penggunaan kenderaan elektrik sepenuhnya atau 100 peratus. Pada masa yang sama, Alam Flora akan terus meneroka teknologi pemanduan autonomi (autonomous driving), robotik serta penyelesaian digital pintar bagi meningkatkan kecekapan, kelestarian dan kecemerlangan operasi secara menyeluruh.

Sehingga kini, Alam Flora telah melabur kira-kira RM3 juta bagi pemerolehan, pelaksanaan dan pembangunan kenderaan elektrik, peralatan berkuasa elektrik serta teknologi sokongan. Pelaburan ini memperkukuh usaha syarikat ke arah operasi yang lebih cekap serta menyokong aspirasi Malaysia sebagai negara rendah karbon dan bandar pintar.

Mengulas mengenai inisiatif ini, Ketua Pegawai Eksekutif Alam Flora, Shariman Yusuf Mohamed Zain, berkata, “Inisiatif ini merupakan satu langkah penting dalam mentransformasikan penyampaian perkhidmatan pembersihan awam melalui penggunaan teknologi yang lebih bersih dan cekap. Seiring pertumbuhan bandar, jangkaan masyarakat terhadap persekitaran yang lebih selamat dan lestari terus meningkat. Penggunaan kenderaan dan peralatan pembersihan elektrik ini mencerminkan kesediaan Alam Flora untuk menyokong pembangunan perkhidmatan bandar yang lebih hijau sambil mengekalkan standard operasi yang tinggi.”

Siri baharu kenderaan dan peralatan pembersihan elektrik Alam Flora telah dirasmikan oleh Pengerusi SWCorp, Yang Berusaha Tuan Hee Loy Sian, sebagai simbol komitmen bersama dalam memperkukuh operasi pembersihan awam yang lebih mampan, cekap dan rendah karbon.

Memperkasa Kompetensi Pemandu Melalui AFDEC

Turut dilancarkan pada majlis yang sama ialah **Alam Flora Driving Excellence Centre (AFDEC)**, sebuah fasiliti latihan berasaskan simulator yang direka untuk memperkukuh standard keselamatan, kompetensi pemandu dan kecemerlangan operasi. AFDEC telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Yang Berbahagia Datuk Ir. Ts. Gs. Dr. Mohd Azhar Abdul Hamid. Penubuhan AFDEC mencerminkan komitmen Alam Flora dalam memperkukuh kompetensi pemandu, budaya keselamatan dan kesiapsiagaan operasi selaras dengan peningkatan penggunaan kenderaan elektrik serta aset moden dalam operasinya.

Seiring kemajuan syarikat dalam perjalanan digitalisasinya, Alam Flora kekal komited untuk menyediakan perkhidmatan pembersihan awam berkualiti tinggi serta membina komuniti yang lebih sihat dan mampan, selaras dengan misi terasnya, “Enhancing Life, Enriching Communities”.

MENGENAI ALAM FLORA SDN BHD:

*Ditubuhkan pada tahun 1995, Alam Flora Sdn. Bhd. (Alam Flora) merupakan salah satu syarikat pengurusan alam sekitar terkemuka di Malaysia yang komited membantu komuniti mengurus dan mengurangkan sisa dengan impak minimum terhadap alam sekitar. Sebagai anak syarikat kepada Malakoff Corporation Berhad (Malakoff), Alam Flora memainkan peranan penting dalam menyokong agenda kelestarian negara melalui penyelesaian pengurusan sisa dan alam sekitar. Sebagai pemegang konsesi terbesar di bawah program penswastaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam negara, Alam Flora menyediakan perkhidmatan menyeluruh di kawasan konsesinya di Semenanjung Malaysia, iaitu **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya**, serta negeri Pahang. Syarikat ini menguruskan ribuan tan sisa setiap hari sambil aktif mempromosikan amalan kitar semula dan kelestarian melalui pelbagai inisiatif, termasuk Fasiliti Inovasi Kitar Semula (FIKS). Alam Flora*

merupakan pemacu utama kepada matlamat alam sekitar negara melalui kutipan dan pelupusan sisa yang cekap serta inisiatif libat urus komuniti yang mendorong pengurusan sisa secara bertanggungjawab dan amalan ekonomi kitaran.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Suriati Mohammad Mokhtar

Ketua Jabatan Kumpulan Komunikasi Korporat & Penjenamaan, Malakoff Corp. Berhad

Mobile: +6012-226 5799

Email: suriati.mokhtar@malakoff.com.my